



KIT

Minggu Suci



Est. 1955
DIOCESE OF PENANG
MALAYSIA



MINGGU PALMA



Diocese of Penang

01

KHAMIS PUTIH



Diocese of Penang

07

JUMAAT AGUNG



Diocese of Penang

14

HARI PASKAH



Diocese of Penang

20



MINGGU PALMA





Minggu Palma atau Minggu Sengsara merupakan pembuka Minggu Suci dalam musim Prapaskah, dimana kita mengenangkan peristiwa Yesus masuk ke Kota Yerusalem. Pada hari ini, pembacaan Injil akan mengingatkan kita bahawa kemuliaan Yesus tidak hanya terletak pada kejayaan-Nya memasuki Yerusalem, tetapi juga pada peristiwa kematian-Nya di Kayu Salib. Daun Palma merupakan simbolik bagi kemenangan, yang apabila dilambai merupakan lambang pujian dan kemuliaan. Oleh itu, daun Palma dikaitkan dengan kemenangan Yesus kerana memasuki Yerusalem dan mengalahkan maut.

**Warna
Liturgi**

Sediakan daun Palma untuk dilambaikan semasa lagu pembukaan. Sesudah doa hari ini, daun Palma itu boleh dijadikan hiasan di pintu rumah atau di meja altar.

YERUSALEM, LIHAT RAJAMU

<https://youtu.be/x49UTW-JpFY>

Dikala Yesus disambut digerbang Yerusalem,
Umat bagai lautan dengan palma di tangan (2x)

Gemuruh sorak dan sorai, "Kristus Raja Damai"

Reff: Yerusalem, Yerusalem, lihatlah Rajamu
Hosanna, terpujilah, Kristus Raja Maha Jaya (2x)

Lihatlah Kristus Tuhanmu, Dialah Penebusmu,
Duka hati terhibur hina cela terlebur (2x)

Maka lekaslah bersyukur, luhurkan namaNya
(Reff...)

Dan di akhir dunia nanti Kristus Raja Abadi,
Hadirlah yang dinanti wajah bumi berganti (2x)

Seluruh alam bernyanyi luhurkan nama Nya...
(Reff...)



Tanda Salib Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Pemimpin: *Marilah berdoa...*

Allah Bapa yang kekal dan kuasa, berkatilah kami ingin mengiringi Raja Kristus dalam perjalanan-Nya menuju Yerusalem. Semoga nanti kami juga diperkenankan untuk masuk ke Yerusalem abadi. Demi Kristus, Tuhan dan pengantara kami.

Semua: *Amen.*

Markus 11:1-10

Pemimpin: *Pembacaan dari Kitab Markus...*

Semua: *Terpujilah Kristus.*

Apabila mereka sudah berhampiran Yerusalem, di Betfage dan Betania, di Bukit Zaitun, Yesus mengutus dua orang murid-Nya, kata-Nya, "Pergilah ke kampung yang di hadapan itu. Sebaik-baik kamu masuk, kamu akan mendapati seekor anak keldai yang belum pernah ditunggang, tertambat di situ. Lepaskannya dan bawa ke mari. Jika sesiapa bertanya kepadamu, 'Mengapa kau berbuat demikian?' katakan, 'Tuhan memerlukannya, dan Dia akan segera memulangkannya.' " Mereka pun pergi dan mendapati anak keldai itu tertambat di pintu di tepi jalan, lalu mereka melepaskannya. Beberapa orang yang berdiri di situ bertanya kepada mereka, "Apa yang kamu buat, melepaskan anak keldai itu?"

Mereka menjawab seperti yang diperintahkan oleh Yesus, lalu mereka dibenarkan pergi. Mereka membawa anak keldai itu kepada Yesus dan mengalasnya dengan jubah mereka. Yesus pun duduk di atas anak keldai itu. Ramai orang membentangkan jubah mereka di atas jalan. Yang lain memotong dahan rimbun daripada pokok-pokok di situ dan meletakkannya sepanjang jalan. Setelah itu, mereka yang berjalan di hadapan dan yang mengikut dari belakang berseru, "Hosana!" "Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan!". "Diberkatilah kerajaan bapa kita Daud, yang datang dengan nama Allah!" "Hosana di tempat yang maha tinggi!"

Pemimpin : *Demikianlah Injil Tuhan...*

Semua : *Terpujilah Kristus.*

(Ambil masa untuk hening sebentar bagi merenungkan Sabda Tuhan yang baharu kita dengar)

Renungan Minggu Palma

Adakah saya menyambut dan membenarkan Yesus untuk masuk ke dalam hidup saya?



<https://youtu.be/LE83kWyxkkg>

SAHUTAN

TUHAN, DENGARKANLAH DOA KAMI.

BAGI BAPA SUCI, PAUS FRANSISKUS, PARA USKUP DAN PARA PADRI

Ya Bapa, curahkanlah Roh cinta kasih-Mu kepada mereka agar dapat melaksanakan pelayanan mereka dengan penuh kasih dan membawa kami, para umat untuk lebih mengasihi Engkau melalui sakramen yang mereka rayakan. Kami mohon...

BAGI GEREJA YANG MENDERITA

Ya Bapa, tabahkanlah mereka yang menderita, dihina, dianiaya dan difitnah kerana iman mereka, dan teguhkanlah harapan mereka didalam Engkau walaupun mengalami percobaan yang berat. Kami mohon...

BAGI PARA PEMIMPIN DI SELURUH DUNIA, TERUTAMANYA DI MALAYSIA

Ya Bapa, dampingilah para pemimpin kami dalam tugas dan tanggungjawab mereka. Bantulah mereka agar tidak tergodanya oleh kepentingan diri dalam membuat keputusan, tetapi selalu memimpin dengan adil dan bijaksana. Kami mohon...

BAGI PARA CALON PEMBAPTISAN

Ya Bapa, persiapkanlah para calon Baptis di Diosis Pulau Pinang dan diseluruh dunia yang akan dibaptis menjelang Paskah ini, dan berilah rahmat yang mereka perlukan untuk menghidupi janji Baptis mereka dihari-hari akan datang. Kami mohon...

DOA PERMOHONAN PERIBADI

(Boleh diucapkan atau dibawa dalam saat hening)

Kami mohon...

Pemimpin: *Marilah berdoa...*

Allah Bapa yang maha baik, Engkau memuaskan dan melimpahi kami dengan kurnia suci. Berkat wafat Putera-Mu, iman kami Kau hidupkan, dan harapan kami Kau tumbuhkan. Kami mohon, semoga berkat kebangkitan-Nya kami dapat mencapai tujuan perjalanan kami, yaitu kemuliaan-Mu. Demi Kristus, Tuhan dan pengantara kami.

Semua: *Amen.*

Doa Bapa kami...

Tanda Salib *Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*



KAU RAJA MAHAKUASA

<https://youtu.be/cFINYV9J7xw>

Engkau Raja mahakuasa bertakhta selamanya.
Pemimpin zaman ke zaman teguh tetap kekal.
Walaupun alam musnah Engkau tetap mulia...
Terpujilah ya Raja, selama-lamanya.
Terpujilah ya Raja, selama-lamanya.


Dengarlah kidung pujian seluruh jemaat-Mu,
dengan mazmur dan nyanyian bersama berseru.
Gemakanlah, hai alam, pujian semesta...
Terpujilah ya Raja, selama-lamanya.
Terpujilah ya Raja, selama-lamanya

KHAMIS PUTIH





Warna liturgi pada hari ini adalah putih. Dalam perayaan Khamis Putih, terdapat beberapa peristiwa yang kita kenangkan, iaitu Perjamuan Malam Terakhir Yesus bersama dengan 12 rasul-Nya, Yesus membasuh para murid-Nya, dan Yesus berdoa di Taman Getsemani.



Untuk disediakan bagi aktiviti **Pembasuhan kaki**

BAHASA CINTAMU

<https://youtu.be/Rzg1d9YASXE>

Andaikan aku lakukan yang luhur mulia
 Jika tanpa kasih cinta hampa tak berguna
 Ajarilah kami bahasa cinta-Mu
 Agar kami dekat padaMu, ya Tuhanku
 Ajarilah kami bahasa cinta-Mu
 Agar kami dekat pada-Mu
 Andaikan aku pahami bahasa semua
 Hanyalah bahasa cinta kunci tiap hati
 Ajarilah kami bahasa cinta-Mu
 Agar kami dekat pada-Mu, ya Tuhanku
 Ajarilah kami bahasa cinta-Mu
 Agar kami dekat pada-Mu
 Cinta itu lemah lembut sabar sederhana
 Cinta itu murah hati rela menderita
 Ajarilah kami bahasa cinta-Mu (Bahasa cinta-Mu)
 Agar kami dekat pada-Mu, ya Tuhanku
 Ajarilah kami bahasa cinta-Mu (Bahasa cinta-Mu)
 Agar kami dekat pada-Mu



Tanda Salib

Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Pemimpin: *Marilah berdoa...*

Allah Bapa yang maha pengasih, pada malam sebelum sengsara,
 Putera-Mu telah mempercayakan perjamuan kudus kepada Gereja-
 Nya sebagai lambang cinta kasih, sebagai korban Perjanjian Baru.
 Kami mohon, semoga dari misteri mulia ini kami memperoleh
 kekuatan untuk saling mengasihi dengan sungguh-sungguh serta
 mencapai kehidupan yang kekal. Demi Yesus Kristus, Putera-Mu,
 Tuhan dan Pengantara kami.

Semua: *Amen.*

1 Korintus 11:23-26

Pemimpin: *Pembacaan dari Surat Pertama Rasul Paulus kepada Umat di Korintus...*

Aku telah menerima daripada Tuhan apa yang telah kusampaikan kepadamu: Bahawa pada malam Dia dikhianati, Tuhan Yesus telah mengambil roti; dan selepas mengucap syukur, Dia telah memecah-mecahkan roti itu lalu berkata, "Ambil, dan makanlah. Inilah tubuh-Ku yang diserahkan untukmu; lakukanlah ini sebagai peringatan kepada-Ku." Demikian juga, sesudah makan, Dia mengambil cawan itu sambil berkata, "Cawan ini perjanjian baru dengan darah-Ku. Setiap kali kamu meminumnya, lakukan ini sebagai peringatan kepada-Ku."

Kerana setiap kali kamu makan roti dan minum dari cawan dengan cara demikian, kamu memberitakan kematian Tuhan hingga kedatangan-Nya.

Pemimpin : *Demikianlah Sabda Tuhan...*

Semua : *Syukur kepada Allah.*

(Ambil masa untuk hening sebentar bagi merenungkan Sabda Tuhan yang baharu kita dengar)

Renungan Khamis Putih

Adakah saya menghidupi nilai kesederhanaan dan kerendahan hati dalam hidup saya sebagai seorang Kristian?



<https://youtu.be/rCsEeC1bsA>

Semua berdiri sambil pemimpin berkata:

Tuhan bersabda, 'Perintah baru kuberikan kepadamu, iaitu supaya kamu saling mencintai, sebagaimana Aku telah mencintai kamu.'



Pemimpin menjemput seseorang untuk duduk dikerusi dan seorang yang lain untuk membasuh kaki. Setiap orang akan bergilir untuk membasuh kaki.

Semasa pembasuhan kaki, tuangkan air bersih ke kaki dan basuh kaki tersebut dengan air yang ada di besen.



Setelah itu, pembasuh kedua-dua belah kaki mereka mengeringkan kaki dengan tuala kering.

Pembasuhan kaki diadakan secara ringkas, dalam suasana hening namun setiap orang diajak untuk menghayati ayat ini, **'Perintah baru ku ucapkan kepadamu, supaya kamu saling mencintai, sebagaimana Aku telah mencintai kamu'.**

SAHUTAN

TUHAN, DENGARKANLAH DOA KAMI.

BAGI BAPA SUCI, PAUS FRANSISKUS, PARA USKUP DAN PARA PADRI

Ya Bapa, curahkanlah Roh cinta kasih-Mu kepada mereka agar dapat melaksanakan pelayanan mereka dengan penuh kasih dan membawa kami, para umat untuk lebih mengasihi Engkau melalui sakramen yang mereka rayakan. Kami mohon...

BAGI MEREKA YANG TIDAK DAPAT MENERIMA TUBUH DAN DARAH KRISTUS

Terutama kerana tiadanya akses kepada Gereja dan Sakramen, dan kerana keadaan pandemik ditempat mereka masing-masing: Ya Bapa, semoga dengan Darah Putera-Mu Yesus yang tercurah, kami tetap bersatu dan saling menguatkan sesama dalam perjalanan iman kita menuju Syurga mulia. Kami mohon...

BAGI YANG SEDANG MENDERITA

Ya Bapa, semoga para penderita dirawat dan disembuhkan juga melalui berkat cinta kasih dari sesama. Kami mohon...

BAGI PARA CALON PEMBAPTISAN

Ya Bapa, persiapkanlah para calon Baptis di Diocesis Pulau Pinang dan diseluruh dunia yang akan dibaptis menjelang Paskah ini, dan berilah rahmat yang mereka perlukan untuk menghidupi janji Baptis mereka dihari-hari akan datang. Kami mohon...

DOA PERMOHONAN PERIBADI

(Boleh diucapkan atau dibawa dalam saat hening)

Kami mohon...


Pemimpin: *Marilah berdoa...*

Allah Bapa di syurga, ingatlah akan dunia ciptaan-Mu ini, yang Kau tentukan sebagai tempat kediaman bagi semua orang dan peliharalah ikatan dan hubungan kami dengan Engkau, agar kami tetap hidup dengan harapan dan iman yang teguh, bahawa tiada kekuasaan atau pun kekuatan, tiada maut atau pun penderitaan yang mampu memisahkan kami dari Cinta Kasih-Mu. Demi Kristus, Tuhan dan pengantara kami.

Semua: *Amen.*

Doa Bapa kami...

Tanda Salib *Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*



TETAP SETIA

<https://youtu.be/Y-kuljWbrS8>

Selidiki aku, lihat hatiku
Apakah kusungguh mengasihi-Mu Yesus
Kau yang Maha tahu dan menilai hidupku
Tak ada yang tersembunyi bagi-Mu...

Selidiki aku, lihat hatiku
Apakah kusungguh mengasihi-Mu Yesus
Kau yang Maha Tahu dan menilai hidupku
Tak ada yang tersembunyi bagi-Mu

Telah kulihat kebaikan-Mu
Yang tak pernah habis dihidupku
Kuberjuang sampai akhirnya
Kau dapati aku tetap setia (ulang)...

JUMMAAT AGUNG






Pada hari ini, kita mengenakan warna merah sebagai warna Liturgi. Dalam tradisi Gereja, altar dibersihkan dari segala hiasan, termasuk kain altar. Salib juga ditutup dengan kain ungu sebagai tanda berkabung untuk Wafat Yesus. Jumaat Agung mengarah kepada salib dan kematian Yesus yang menyerahkan nyawanya di kayu salib. Puncak kesengsaraan Yesus adalah pada saat Dia wafat, yang mana kematian tersebut merupakan tanda penebusan dosa umat manusia oleh Yesus sendiri. Namun, peringatan Jumaat Agung ini bukanlah peristiwa dukacita, melainkan peristiwa yang penuh cinta, kerana ada diceritakan di Alkitab, setelah Yesus mati dan dikuburkan, pada hari ketiga Ia bangkit dari kematian.




Kayu Salib



atau

Ikon/ Gambar
Yesus disalibkan



Untuk disediakan bagi aktiviti Penghormatan Salib

KUASA SALIB-MU

<https://youtu.be/DwB TZURdDc>

Ada tempat yang mulia
Anugerah-Mu tercurah
Kau berikan hidupMu
S'bagai ganti dosaku

Lebih dari yang kukira
Pengampunan yang kutrima
Kasih Yesus yang abadi
Mengalir di kalvari

Oleh ker'na salib-Mu
Seluruh hidupku milik-Mu, Tuhan
Darah-Mu sucikanku
Kuasa salib-Mu pulihkanku

Lebih dari yang kukira
Pengampunan yang kutrima
Kasih Yesus yang abadi
Mengalir, mengalir di kalvari

Oleh ker'na salib-Mu
Seluruh hidupku milik-Mu, Tuhan
(Seluruh hidupku, Tuhan)
Darah-Mu sucikanku (Darahmu)
Kuasa salib-Mu pulihkanku

Oleh karna salib-Mu
Seluruh hidupku milik-Mu, Tuhan
(Seluruh hidupku)
Darah-Mu sucikanku (Darahmu)
Kuasa salib-Mu pulihkanku

Oleh ker'na salib-Mu (SalibMu, Tuhan)
Seluruh hidupku milik-Mu, Tuhan
(MilikMu, Tuhan)
Darah-Mu sucikanku, Kuasa salib-Mu
pulihkanku
Kuasa salib-Mu (Kuasa salibMu),
pulihkanku



Tanda Salib

Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Pemimpin: *Marilah berdoa...*

Allah Bapa kami yang pengasih dan penyayang, inilah saatnya Putera-Mu mengorbankan diri dan wafat bagi kami. Inilah saatnya pula Engkau memuliakan Dia. Inilah saatnya pula kami berseru kepada-Mu, agar menarik kami semua kepada-Mu serta menunjukkan Salib, satu-satunya harapan kami. Demi Kristus, Tuhan dan pengantara kami.

Semua: *Amen.*

Mazmur 30 (31):2.6. 12-13. 15-16. 17. 25

(Setiap seorang membaca serangkap Mazmur secara bergilir-gilir)

SAHUTAN

"Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!"

Kepada-Mu, ya Tuhan, aku berlindung; jangan biarkan aku menanggung malu; selamatkanlah aku kerana perbenaran-Mu. Ke dalam tangan-Mu kuserahkan rohku; Engkau telah menebusku, Ya Tuhan, Allah yang setia.

"Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!"

Aku dicemuh oleh segala musuhku, tetapi lebih-lebih lagi oleh jiran tetanggaku; aku dipandang jijik oleh kenalanku – sesiapa melihatku di jalan lari daripadaku. Aku dilupakan seperti orang yang sudah mati, luput dari ingatan; aku seperti sebuah bekas yang pecah.

"Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!"

Namun aku tetap percaya kepada-Mu, ya Tuhan. Aku berkata, "Engkaulah Allahku." Usiaku berada dalam tangan-Mu; selamatkanlah aku daripada segala musuhku dan daripada mereka yang memburuku.


"Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!"

Limpahkan cahaya wajah-Mu ke atas hamba-Mu; selamatkan aku demi kasih setia-Mu. Tabahkan dirimu, teguhkan hatimu, semua kamu yang berharap kepada Tuhan.

"Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!"

Renungan Jumaat Agung

Sebagai pengikut Kristus yang percaya kepada-Nya, secara peribadi, adakah saya dapat menyerahkan seluruh hidup saya kepada-Nya?



<https://youtu.be/CbAGm3axsAc>

DOA UMAT

Setiap kali pemimpin membacakan setiap doa permohonan, ambil masa untuk hening sebentar sebelum permohonan seterusnya.

Kita berdoa bagi Gereja diseluruh dunia...

Kita berdoa bagi Bapa Suci Paus Fransiskus, para paderi dan semua pelayan gereja...

Kita berdoa bagi mereka yang akan dibaptis dalam Gereja Katolik...

Kita berdoa bagi kesatuan umat Kristian...

Kita berdoa bagi orang Yahudi - bangsa pertama yang mendengar pewartaan tentang Tuhan...

Kita berdoa bagi saudara-saudari kita yang berbeza kepercayaan...


Kita berdoa bagi mereka yang tidak percaya akan Tuhan...

Kita berdoa bagi mereka yang bekerja dalam sektor kerajaan...

Kita berdoa bagi mereka yang terkesan akibat Pandemik COVID-19...

Kita berdoa bagi mereka yang sedang berbeban berat dan menderita...

Tempatkan Salib dihadapan Altar/ tempat berdoa




Tontonilah video pendek Kisah Sengsara Yesus https://youtu.be/s0Dg7_gFthE



Setelah menonton klip tersebut, renungkanlah Kisah Sengsara Yesus dalam hati dan berdoalah dalam suasana hening...

Diakhir doa, hampiri dan berikan hormat kepada Salib Yesus. Bersama-sama, tutup doa dengan doa 'Bapa kami'.



Beransur pergi dalam keadaan senyap. Hormatilah masa Wafat Yesus dengan puasa dan pantang (terutama dari segi hiburan).

HARI PASKAH







Warna Liturgi pada hari ini adalah warna putih. Hari Raya Paskah merupakan puncak bagi Triduum Suci (Khamis Putih, Jumaat Agung, dan Sabtu Suci) bagi umat Katolik. Umumnya, kita mengenal Paskah sebagai hari kebangkitan Yesus Kristus. Sebelumnya, orang Ibrani merayakan Paskah sebagai suatu peringatan akan peristiwa pembebasan bangsa Israel dari tanah Mesir. Kini, umat Katolik menghayati Paskah sebagai pembebasan manusia dari perhambaan dosa.



Lilin



Makanan untuk dimakan bersama (tidak wajib)

Untuk disediakan bagi aktiviti **Pembaharuan Janji Baptis & Makan Bersama**

RAYAKAN

<https://youtu.be/1as7CQu81kg>

Rayakan Yesus Rayakan
 Rayakan Yesus Rayakan
 Rayakan Yesus Rayakan
 Rayakan Yesus Rayakan

Reff:

Dia bangkit, Dia Bangkit
 Dan Hidup selamaNya
 Dia bangkit, Dia bangkit
 Marilah rayakan, marilah rayakan



Tanda Salib

Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Pemimpin: Marilah berdoa...

Allah Bapa kami, sumber kehidupan sejati, hari ini Putera-Mu bangkit jaya atas maut dan membukakan pintu kehidupan abadi. Kami mohon perkenankanlah kami merayakan kebangkitan-Nya dengan penuh rasa syukur, dan dengan itu, kami diperbaharui oleh Roh-Mu serta bangkit dan hidup dalam sinar cahaya-Mu. Demi Yesus Kristus, Putera-Mu, Tuhan dan pengantara kami.

Semua: Amen.

Kolose 3:1- 4

Pemimpin: *Pembacaan dari Surat Rasul Paulus kepada Umat di Kolose...*

Dengan demikian, jika kamu telah dibangkitkan bersama Kristus, carilah perkara-perkara yang berkaitan dengan syurga, tempat Kristus duduk di sebelah kanan Allah. Tumpukan pemikiranmu kepada hal-hal di syurga, bukan hal-hal di bumi. Kerana kamu telah mati, dan hidupmu tersembunyi bersama Kristus dalam Allah. Apabila Kristus yang merupakan kehidupan kamu itu muncul, kamu akan muncul bersama-Nya dalam kemuliaan.

Pemimpin : *Demikianlah Sabda Tuhan...*

Semua : *Syukur kepada Allah.*

(Ambil masa untuk hening sebentar bagi merenungkan Sabda Tuhan yang baharu kita dengar)

Renungan Hari Paskah

Secara peribadi, adakah saya percaya bahawa syurga itu nyata?




<https://youtu.be/lx0yfvyCub4>

Nyalakan lilin di meja doa/altar.



Setelah itu, setiap orang menyalakan lilin masing-masing dari lilin di meja altar tersebut.



Ucapkan janji Baptis ini dengan dipimpin oleh seorang daripada anggota doa:

Pemimpin (P):

Saudara-saudara terkasih, marilah kita memperbarui janji baptis suci kita. Dengan janji itu kita menolak iblis dan semua perbuatannya, serta berjanji mengabdikan Allah dalam Gereja Katolik yang kudus.

P: Apakah Saudara menolak kejahatan dalam diri saudara sendiri dan dalam masyarakat?

S: Ya, saya menolak.

P: Apakah Saudara menolak godaan-godaan iblis dalam bentuk tahyul, perjudian dan hiburan yang tidak sihat?

S: Ya, saya menolak.

P: Apakah Saudara menolak segala tindakan dan kebiasaan tidak adil dan tidak jujur yang melanggar hak-hak asasi manusia?

S: Ya, saya menolak.

Ucapkan janji Baptis ini bersama dengan dipimpin oleh seorang daripada anggota doa:

P: Percayakah Saudara-saudara akan Allah, Bapa yang mahakuasa, Pencipta langit dan bumi?

S: Ya, saya percaya.

P: Percayakan Saudara akan Yesus Kristus, Putera-Nya yang tunggal, Tuhan kita, yang dilahirkan oleh Perawan Maria; yang menderita sengsara, wafat dan dimakamkan; yang bangkit dari antara orang mati, naik ke syurga dan duduk di sisi kanan Bapa?

S: Ya, saya percaya.

P: Percayakah Saudara akan Roh Kudus, Gereja katolik yang kudus, persekutuan para kudus, pengampunan dosa, kebangkitan badan dan kehidupan kekal?

S: Ya, saya percaya.

P: Allah yang mahakuasa, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, telah melahirkan kita dari air dan Roh Kudus, dan telah menganugerahi kita pengampunan dosa. Semoga dengan rahmat-Nya Ia menjaga kita sampai ke hidup yang kekal, dalam Kristus Yesus Tuhan kita.

S: Amen.

Cadangan:

Makan bersama keluarga/rakan serumah setelah selesai doa pada hari ini.



SAHUTAN

KRISTUS SUMBER KEHIDUPAN, SELAMATKANLAH KAMI.

BAGI MEREKA YANG BARU DIBAPTIS

- Ya Yesus, Engkaulah awal dan akhir, Engkau telah wafat namun bangkit kembali. Semoga mereka semua yang baru dan telah dibaptis, selalu tabah dan berani berjuang melawan kejahatan, serta tetap setia dan semangat mengamalkan misi yang Kau berikan kepada kami ditengah masyarakat. Kami mohon...

BAGI PARA PEMIMPIN

Ya Yesus, Engkaulah cahaya dan keselamatan segala bangsa. Terangilah kiranya para pemimpin diseluruh dunia agar memperjuangkan perpaduan dan kesatuan diantara para bangsa, demi kedamaian dan kesejahteraan umat-Mu di bumi. Kami mohon...

BAGI NEGARA MYANMAR

Ya Yesus, perhatikanlah umat-Mu yang sedang menderita akibat ketegangan dan kekacauan politik di Myanmar. Sembuhkanlah kedamaian dan kesatuan di negara ini. Dan bagi mangsa yang terkorban semasa konflik di Myanmar, terutama kerana memperjuangkan keadilan, semoga kebangkitan Yesus yang mulia pada hari Paskah ini, menyinari jiwa mereka. Kami mohon...

BAGI KAMI, UMAT-MU

Ya Yesus, Engkaulah batu yang dibuang oleh para pembangun, namun terpilih sebagai batu penjuru. Jadikanlah dan gunakanlah kami sebagai batu-batu hidup untuk membantu membangun komuniti kami yang sesuai dengan rencana-Mu. Kami mohon...

DOA PERMOHONAN PERIBADI

(Boleh diucapkan atau dibawa dalam saat hening)
Kami mohon...


Pemimpin: *Marilah berdoa...*

Allah Bapa di syurga, Engkau berada ditengah-tengah kami berkat perantaraan Yesus Kristus, Putera-Mu, dan memenuhi kami dengan sukacita benar. Jagalah umat-Mu dalam perdamaian, yang telah disanggupkan oleh Putera-Mu yang bangkit, dan jadikanlah kami saksi-saksi kehadiran-Mu yang setia. Sebab Dialah Tuhan yang berkuasa, kini dan sepanjang masa. Amen

Semua: *Amen.*

Doa Bapa kami...

Tanda Salib *Dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*



S'BAB DIA HIDUP

<https://youtu.be/VB0So4vNjlc>

Anak Allah, Yesus nama-Nya
Menyembuhkan, menyucikan
Bahkan mati, tebus dosaku
Kubur kosong membuktikan Dia hidup

S'bab Dia hidup, ada hari esok
S'bab Dia hidup, 'ku tak gentar
Kar'na 'ku tahu Dia pegang hari esok
Hidup jadi berarti s'bab Dia hidup

SALAM PASKAHI!

DIA BANGKIT

Haleluya!